

26 MAY 1999

Khalil-Tugas

KHALIL MUNGKIN PERKENAL INOVASI DI KEMENTERIAN PENERANGAN

KUALA LUMPUR, 26 Mei (Bernama) -- Tan Sri Khalil Yaakob yang memulakan tugas sebagai Menteri Penerangan hari ini, berkata beliau mungkin memperkenalkan beberapa inovasi di kementerian itu selain meneruskan dasar-dasar sedia ada.

Bagaimanapun, beliau tidak menghuraikan bentuk inovasi itu.

"Beri saya masa sedikit," kata beliau kepada pemberita selepas majlis penyerahan tugas di Angkasapuri di sini.

Khalil, 60, bekas Menteri Besar Pahang, mengambil alih jawatan Menteri Penerangan daripada Datuk Seri Mohamed Rahmat yang meletak jawatannya.

"Bukan mudah untuk mencontohi Tok Mat" katanya. Tok Mat ialah nama mesra yang diberi kepada Mohamed.

"Saya akan mendapatkan pandangan daripada beliau dalam menjalankan tugas saya," kata beliau.

Ketika ditanya sama ada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi sebarang nasihat atau arahan kepada beliau dalam mesyuarat Kabinet hari ini, Khalil hanya berkata Dr Mahathir telah meminta beliau supaya menghubungi Mohamed.

Hari ini Khalil menghadiri mesyuarat mingguan Kabinet yang pertama baginya sejak dilantik sebagai Menteri Penerangan.

Khalil adalah antara tiga menteri dan seorang timbalan menteri yang baru dilantik dalam rombakan Kabinet Khamis lepas yang menerima surat cara pelantikan serta mengangkat sumpah jawatan dan taat setia di hadapan Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di Istana Negara di sini semalam.

Beliau mengangkat sumpah sebagai senator pada Isnin lepas bagi membolehkannya memegang jawatan dalam kabinet persekutuan.

Khalil berkata beliau mengagumi Mohamed yang "mengundurkan diri secara terhormat (daripada Kabinet) dan masih senyum dan mahu bantu saya".

Mengenai tugasnya sebagai Setiausaha Agung Umno, Khalil berkata antara tugas utama beliau adalah untuk memastikan supaya isu-isu semasa ekonomi dan politik negara serta dakwaan dan tohmahan mengenai parti dan para pemimpinnya dalam Internet dijelaskan kepada semua anggota Umno.

"Kita akan kaji dari semua sudut. Tetapi ini tidak bermakna bahawa setiap dakwaan atau tohmahan dalam Internet harus dijelaskan," kata beliau.

Khalil, yang menggantikan Datuk Seri Sabbaruddin Chik, berkata beliau juga akan mengadakan siri lawatan ke semua Badan Perhubungan Umno Negeri untuk melihat keadaan parti.

Beliau juga berkata jentera parti itu akan diperkuatkan dengan teknologi terkini untuk melicinkan lagi pentadbiran.

Ketika ditanya sama ada beliau mempunyai apa-apa rancangan untuk menambah lagi kekuatan Umno, Khalil berkata anggota-anggota daripada kalangan ahli profesional akan ditambah.

"Saya ada beberapa rancangan lagi. Beri saya masa," kata beliau.

-- BERNAMA

ES NMO